

Fiberail sediakan dua koridor gentian optik

Landasan kereta api dan saluran gas tawarkan sambungan meluas

Oleh Anida Salwani Abdul Hadi

FIBERAIL Sdn Bhd, syarikat usaha sama antara Telekom Malaysia Bhd (TM) dan Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) berharap pengendali perkhidmatan telekomunikasi tempatan akan memanfaatkan sepenuhnya koridor rangkaian yang disediakan bagi merapatkan jurang digital terutama di kawasan pedalaman.

Ketua Eksekutifnya, N Balasingham, berkata Fiberail kini menggunakan dua koridor iaitu menerusi landasan kereta api KTMB dan saluran gas Petronas, membolehkannya menawarkan sambungan rangkaian kabel gentian optik yang lebih meluas.

"Kami sudah menyediakan infrastruktur secukupnya untuk membolehkan liputan ke seluruh Semenanjung Malaysia.

"Kini hanya terpulang kepada syarikat telekomunikasi bagi menyediakan kemudahan masing-masing ke-

pada pengguna," katanya ketika ditemui di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau berkata, ketika ini, kadar penembusan penggunaan telekomunikasi digital di Malaysia hanya 36.7 peratus berbanding di Singapura 67.2 peratus.

Katanya, sememangnya tumpuan syarikat telekomunikasi sekarang adalah di bandar utama seperti Kuala Lumpur, Johor Baru dan Pulau Pinang kerana asas pelanggan berpendidikan tinggi dan kadar buta huruf yang rendah.

Balasingham bagaimanapun, menjangkakan tahap liputan lebih meluas walaupun secara berperingkat berikutan peningkatan kesedaran sosial di kalangan syarikat telekomunikasi terbabit.

Sementara itu, beliau berkata, syarikat sudah pun mempunyai pelanggan daripada kalangan syarikat Singapura sejak pertengahan tahun lalu dan mahu memberikan tumpuan kepada mempertingkatkan keceka-



“Kami sudah menyediakan infrastruktur secukupnya”

N Balasingham
Ketua Eksekutif Fiberail Sdn Bhd

pan perkhidmatan yang ditawarkan.

Pada masa yang sama, katanya, syarikat turut meninjau peluang meluaskan perniagaan ke Sabah dan Sarawak tetapi tidak menjangkakan ia akan bermula dalam masa terdekat ini.

"Ketika ini, kami mahu memberikan tumpuan kepada memanfaatkan sepenuhnya kemudahan sedia ada terutama selepas pengambilalihan Petrofibre Network (M) Sdn Bhd yang membolehkan kami menggunakan koridor saluran gas miliknya," katanya.

Fiberail pada 12 Disember lalu memeterai perjanjian jual beli Petrofibre yang dimiliki Petronas untuk nilai RM100.5 juta sekali gus membolehkannya meluaskan rangkaian gentian kabel optik kepada 4,000 kilometer dengan liputan rangkaian lebih baik.

Gabungan dua syarikat itu dapat mengurangkan kadar kebergantungan terhadap rangkaian pihak ketiga.